

Perkongsian ilmu tentang teknologi hijau untuk bandar lestari

Details

Sheqal Danish

Komuniti

28 September 2022

Hits:189



IPOH ~ Lebih 300 warga kampus termasuk tetamu luar hadir pada Minggu Pusat Teknologi Hijau Untuk Bandar Lestari 2022 dan Program Town Hall di Politeknik Unku Omar (PUO) di sini pada Isnin lalu.

Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Riam Chau Mai.

PUO dalam kenyataan memaklumkan, penganjuran program tersebut bagi meningkatkan perkongsian maklumat dalam kalangan pendidik, pengamal dan warga institusi pengajian tinggi.

Menariknya, Minggu Pusat Teknologi Hijau kali ini adalah penganjuran dua program besar iaitu Program Town Hall dan International Conference on Research and Innovation in Sustainable Cities (ICRISC 2022).

'Program ICRICS 2022 bertemakan 'Kemajuan Teknologi dalam Pembinaan Mampan melalui IR 4.0 untuk Masa Depan Hijau' dipilih seiring isu dan perkembangan semasa teknologi hijau dan pembangunan bandar lestari.